



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 4 OKTOBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	210KG AYAM SEJUK BEKU DIRAMPAS, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -14	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2.	REHAT SEMUSIM TANAM PADI, DALAM NEGERI, UM -29	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
3. 4.	AYAM, DAGING SUDAH TURUN HARGA, NEGARA, KOSMO -16 PELAJAR PENDIDIKAN KHAS TERNAK IKAN TILAPIA, TANAM PELBAGAI SAYUR, NEGARA, KOSMO -18	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

210kg ayam sejuk beku dirampas

ISKANDAR PUTERI - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya menggagalkan cubaan menyeludup 210 kilogram (kg) ayam sejuk beku dianggarkan bernilai RM3,580 dari Singapura.

Pengarah Maqis Johor, Edie Putra Md Yusof berkata, sebuah kereta yang membawa 14 kotak keratan itu difahan di Kompleks Sultan Abu Bakar Gelang Patah, pada jam 9 malam, Rabu lalu.

Katanya, pemeriksaan mendapati ayam itu cuba dibawa masuk tanpa permit import dan sijil kesihatan veterinar.

"Kotak keratan ayam itu diletakkan di dalam bonet kereta dan pemandu berusia lingkungan 30-an dilepaskan selepas diambil keterangan.

"Perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit import Maqis menjadi kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

4/10/2022

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

29

Beri peluang pesawah pulihkan tanah, cairkan subsidi wang tunai RM1,000 serelung

Rehat semusim tanam padi

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**
utusanews@mediamula.com.my

KANGAR: Kerajaan dicadangkan memberikan tempoh rehat satu musim kepada pesawah bagi membolehkan tanah diusahakan melalui proses pemulihan dari tanah jerlus dan serangan penyakit.

Ini kerana, semakin ramai pesawah di Perlis dan Kedah kini mengeluh apabila padi diusahakan kerap diserang penyakit selain berlaku tanah jerlus di sawah masing-masing.

Jika cadangan tersebut diterima, kerajaan dicadangkan menukar atau mencairkan subsidi baja dan racun kepada bentuk wang tunai mungkin sekitar RM1,000 'serelung' kepada pesawah terlibat ketika tempoh rehat.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tambun Tulang, Datuk Ismail Kassim berkata, langkah tersebut diharap dapat memberikan peningkatan hasil padi pada musim berikutnya.

Menurut beliau, usaha sebegini telah dilakukan di negara



Katanya, daripada jumlah itu pula, kawasan sawah seluas 792 ha seliaan MADA sudah disahkan mengalami masalah berkenaan.

"Kejadian tanah jerlus ini berlaku disebabkan oleh fenomena perubahan iklim dan cuaca yang tidak menentu, iaitu hujan lebat berlaku pada musim kering pada Februari dan Mac 2022 mengakibatkan takungan air di kawasan sawah.

"Ini menyebabkan tiada tempoh rehat tanah menyebabkan keupayaan galas tanah menjadi rendah dan mengganggu struktur tanah di kawasan terlibat," katanya.

Ismail berkata, bagi meringankan bebanan pesawah sewaktu tempoh rehat itu, kerajaan juga boleh bertindak dengan mencairkan bantuan subsidi baja dan racun dalam bentuk wang tunai dengan jumlah yang munasabah bagi satu musim. Katanya, menerusi pemberian wang tunai itu, pesawah dapat berdikari bagi meneruskan kelangsungan hidup mereka.

KERAJAAN dicadangkan memberi tempoh rehat kepada pesawah selama satu musim bagi membolehkan proses pemulihan tanah untuk tanaman padi.

Iran di Thailand malah pelaksanaan juga berjaya membuah hasil.

"Ini merupakan antara usaha bagi mencegah serangan penyakit pada tanaman padi yang semakin teruk sehingga menyebabkan hasil tuaian sangat menyedihkan.

"Jadi saya harap agar pelaksanaan ini dapat disegerakan oleh kerajaan pada musim padi akan datang," katanya.

Sebelum ini, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mengenal pasti kawasan sawah seluas 2,325 hektar di Kedah dan Perlis berisiko mengalami

masalah tanah jerlus yang menjejaskan pengeluaran padi.

Pengerusi Mada, Ahmad Tarmizi Sulaiman dilaporkan berkata, hasil tinjauan yang dijalankan hingga 20 September lalu, mendapati 1,533 hektar (ha) adalah kawasan di bawah seliaan pihakanya.

JMKM tawar potongan harga sehingga 20 peratus

Ayam, daging sudah turun harga

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA - Beberapa bahan mentah termasuk ayam standard, daging lembu import, telur ayam bersubsidi, cili merah, kulai, sawi dan bawang menunjukkan penurunan harga dalam bulan September sekaligus membuka peluang kepada rakyat untuk berjinmat ketika berbelanja.

Menteri Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, penurunan harga itu dilaporkan sepanjang pelaksanaan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) yang menawarkan potongan sehingga 20 peratus lebih murah berbanding pasaran.

"Penjualan barangan pada Program JMKM melibatkan elemen subsidi iaitu RM6,250 seminggu yang diperuntukkan bagi setiap Dewan Undangan Negeri (DUN). Keutamaan diberikan kepada barangan keperluan dapur

subsidi daripada kerajaan," katanya ketika dihubungi Kosmo di sini baru-baru ini.

Bagaimanapun, Alexander berkata, tawaran harga serta barangan diberi diskaun bergantung kepada sumbangan daripada pemimpin setempat seperti Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri.

"Ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam membendung inflasi dan meringankan beban kos sara hidup terutama golongan berpendapatan rendah yang menetap dalam kawasan DUN tersebut," jelasnya.

Sementara itu bercakap mengenai penurunan harga bahan mentah, Alexander memberitahu, berdasarkan pergerakan harga harian pada 17 September lalu, beberapa bahan mentah seperti daging lembu import dan ikan kerapu menunjukkan penurunan harga sehingga lima peratus.



ECONSAVE merupakan salah satu pasar raya yang menyertai JMKM tahun lalu.

seperti ayam, minyak masak, dibuat berdasarkan persetujuan antara rakan strategik tepung gandum serta beras.

"Tawaran harga dalam JMKM runcitan yang menjadi peruncit penyelia berdasarkan suntikan

Pelajar pendidikan khas ternak ikan tilapia, tanam pelbagai sayur

SEBERANG PERAI - Meskipun agak ketinggalan dari segi pencapaian akademik, kemampuan pelajar Pusat Pendidikan Khas Integriti (PPKI) dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Machang Bubok, Bukit Mertajam di sini dalam mengusahakan bidang pertanian dan penternakan dianggap luar biasa.

Ini terbukti apabila laman Kemahiran Vokasional atau Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Asas Tanaman sekolah itu yang diwujudkan sejak empat tahun lalu dipenuhi dengan pelbagai jenis tanaman seperti kailan, bendi dan cendawan.

Lebih menarik, PPKI sekolah itu turut menyediakan satu sangkar khusus untuk penternakan dan sehingga kini ratusan ekor burung puyuh selain serindit yang diternak telah berjaya dijual sekali gus membantu pihak sekolah menajana pendapatan sampingan.

Terbaharu, satu projek penternakan ikan tilapia telah dijalankan secara usaha sama dengan Universiti Sains Malaysia (USM) menggunakan Geran Jaringan Industri dan Masyarakat



AMIRAH (dua darjkatr) melihat perkembangan terkini projek ternakan ikan tilapia di SMK Machang Bubok, Bukit Mertajam, baru-baru ini.

berjumlah RM9,000 sejak lebih sebulan lalu.

Menurut Pengetua SMK Machang Bubok, Anuar Rahim, ilmu penternakan tersebut boleh diguna pakai untuk membantu dan mendidik pelajar PPKI sekolah agar lebih berkemampuan apabila dewasa kelak.

Sementara itu, Ketua Projek Dr. Amirah Huzaid berkata, penternakan tilapia yang melibatkan tiga kolam khas itu diuruskan oleh kira-kira 10 pelajar PPKI dibantu guru-guru mereka.

Sementara itu, seorang pelajar, Syahmir Amirul Fahmi Azman, 18, memberitahu, peluang untuk memternak ikan tilapia merupakan sebahagian daripada impiannya sejak kecil.

"Jaga tilapia tak susah. Saya boleh faham arahan diberikan oleh guru atau penyelia projek. Macam mana nak cuci 'filter' (penapis kolam), bagi makan ikan, tukar air dan lain-lain," katanya yang pernah terlibat dengan projek penternakan udang dan burung puyuh sebelum ini.